

01 JAN 1999

RAKYAT M'SIA MULA NIKMATI CUTI SABTU PERTAMA

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Bermula esok, rakyat Malaysia, khususnya kakitangan sektor awam, menikmati kemudahan cuti pada hari Sabtu pertama setiap bulan.

Yang lebih menggembirakan mereka, Sabtu pertama tahun ini secara kebetulan pula jatuh pada 2 Jan, yang membolehkan mereka bercuti panjang hujung minggu kerana bersambung dengan cuti tahun baru sehari sebelumnya dan cuti rehat keesokannya.

Ketika membentangkan Belanjawan 1999 pada 23 Okt lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemberian cuti itu memberi kesempatan kepada kakitangan awam mengunjungi ibu bapa dan saudara-mara, yang secara tidak langsung menggalakkan pelancongan dalam negara.

Menurut pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), hari Sabtu atau Khamis pertama setiap bulan ditetapkan sebagai hari cuti.

Bagaimanapun, ia membabitkan penambahan waktu bekerja sebanyak 15 minit pada hari bekerja penuh dan pengurangan tujuh minit pada hari bekerja separuh hari.

Selain sektor awam, bank-bank perdagangan juga akan mencontohi langkah itu dengan menutup perniagaan pada hari Sabtu atau Khamis pertama setiap bulan, kata Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM) baru-baru ini.

Pejabat pos juga ditutup pada hari Sabtu atau Khamis pertama setiap bulan mengikut cuti rehat Ahad atau Jumaat yang diamalkan di negeri-negeri berkenaan.

-- BERNAMA

KHY PR